



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63

30hb Januari 2020

No. 3

KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

No. 18.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Abd Wahab bin Bakar yang beralamat di 3, Jalan Dahlia 11, Taman Ira, 01000 Kangar, Perlis atau di Skuarron Pengkalan Udara Labuan, 87009 WP, Labuan atau di Lot 1378, Jalan Aru, Lorong 6, Holiday Park, 98000 Miri, Serawak penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi *tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis. Pada hari Isnin, 10 Februari 2020 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

26

[30hb Jan. 2020]

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Utan Aji. No. Lot—8221. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3017. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No. 1310/2007 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 November 2019
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2441(3)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 19.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Asawna binti Ali yang beralamat di Km. 6, Jalan Mata Ayer, Chuping, 02500 Kangar, Perlis atau di 14, Jalan Haz Melati 2, Taman Haz Melati, 02400 Beseri, Perlis penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi *tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis. Pada hari Isnin, 10 Februari 2020 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Beseri. No. Lot—8750. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1929. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No. 2839/2010 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 November 2019
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2439(3)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

30hb Jan. 2020]

27

No. 20.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Suhaini binti Safar yang beralamat di 23, Jalan Bakau 6, RPA Kuala Perlis, 02000 Kuala Perlis, Perlis atau di 10, Lorong Peladang Jaya 1, Taman Peladang Jaya, 02000 Kuala Perlis, Perlis penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi *tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah dan Galian, Perlis. Pada hari Rabu, 26 Februari 2020 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Perlis. No. Lot—2554. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1444. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Per. No. 394/2017 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 November 2019
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2440(3)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

No. 21.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAIN

Saya, Mohd Shahrir Redzuan bin Abd Samad, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 10 April 2020 pada 11.00 pagi di Jabatan Tanah dan Galian Negeri Perlis; dan

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

28

[30hb Jan. 2020]

-
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM234,900.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Sembilan Ratus Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada *pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM72,048.82. Nama pemegang gadaian—CIMB Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas—RM23,490.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Tiga Ribu Empat Ratus Sembilan Puluh Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena bayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 8 Ogos 2020 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Wang Bintong. No. Lot—1724. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1781. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers. No. 502/2005 (Satu hakmilik sahaja).

Bertarikh 21 November 2019
[PTG.Ps.(R) 1/80 F 2373(32A)]

MOHD SHAHRIR REDZUAN BIN ABD SAMAD
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Perlis

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

30hb Jan. 2020]

29

No. 22.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Mariani binti Jatin (K/P 821208-09-5116) beralamat di 14, Lorong 8, Taman Seberang Jaya, Kuala Perlis, 02000 Perlis, dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas Tanah Perserahan No. 731/2019 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat keseluruhan tanah itu yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Suzumi bin Che Bakar (K/P 690617-09-5005) Pemohon Potong Kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kuala Perlis. No. Lot—8581. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1546. Bahagian Tanah (jika ada)—1/1 bahagian (mengikut syer). No. Daftar Gadaian (jika ada)—1716/2007.

Bertarikh 2 Januari 2020

ROSNAZRI BIN KASIM
*Pentadbir Tanah dan Galian
Perlis*

Hakecipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semu hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

CAWANGAN ALOR SETAR

BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA